

PENGABAIAAN SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR: SATU TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK MENGENAI FAKTOR SOSIAL, NILAI KEAGAMAAN DAN PEMBANGUNAN SAHSIAH

NEGLECT OF PRAYER AMONG STUDENTS: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW ON SOCIAL FACTORS, RELIGIOUS VALUES, AND CHARACTER DEVELOPMENT

Khairil Fikri Mohd Din^{1*}

Mohd Shahidan Ramli²

Mohd Nizam Sahad³

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang Malaysia (khairilfikri@student.usm.my)

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang Malaysia (mohdshahidanramli@student.usm.my)

³ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang Malaysia (nizamsahad@usm.my)

*Corresponding author: khairilfikri@student.usm.my

Article history

Received date : 12-9-2025

Revised date : 13-9-2025

Accepted date : 19-10-2025

Published date : 13-11-2025

To cite this document:

Mohd Din, K. F., Ramli, M. S., & Sahad, M. N. (2025). Pengabaian solat dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan literatur sistematik mengenai faktor sosial, nilai keagamaan dan pembangunan sahsiah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (78), 345 – 363,

Abstrak: Isu pengabaian solat dalam kalangan pelajar semakin mendapat perhatian dalam wacana pendidikan Islam kerana ia mencerminkan tahap penghayatan agama serta keutuhan sahsiah generasi muda Muslim. Kajian ini dilaksanakan bagi meneliti secara sistematik faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan dan pengabaian solat dalam kalangan pelajar di pelbagai peringkat pendidikan formal. Menggunakan pendekatan Tinjauan Literatur Sistematik (Systematic Literature Review, SLR) berasaskan rangka kerja PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analyses), sebanyak 20 artikel berwasit yang diterbitkan antara tahun 2015 hingga 2025 telah dianalisis daripada pangkalan data Scopus, Web of Science (WoS), Google Scholar dan ResearchGate. Analisis kualitatif menggunakan pendekatan analisis tematik telah mengenal pasti empat tema utama, iaitu (i) tahap dan corak pengamalan solat dalam kalangan pelajar, (ii) faktor sosial yang mempengaruhi pelaksanaan solat, (iii) nilai keagamaan dan penghayatan spiritual, serta (iv) implikasi pengabaian solat terhadap pembentukan sahsiah dan disiplin diri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun pelajar mempunyai tahap pengetahuan agama yang memuaskan, penghayatan rohani mereka masih rendah. Selain itu, faktor sosial seperti sokongan keluarga, pengaruh rakan sebaya, persekitaran sekolah, serta penggunaan media digital memainkan peranan signifikan dalam menentukan tahap konsistensi pelajar terhadap ibadah solat. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada literatur pendidikan Islam dengan menegaskan

keperluan untuk membangunkan pendekatan pedagogi yang holistik dan berasaskan penghayatan bukan sekadar pengajaran berbentuk praktikal. Penemuan ini juga menyoroti keperluan bagi penyelidikan masa hadapan untuk menilai hubungan sebab dan akibat antara faktor sosial, nilai keagamaan dan amalan solat melalui pendekatan kuantitatif atau kajian intervensi berasaskan pendidikan Islam bersepadu.

Kata Kunci: Pengabaian solat, pelajar Muslim, nilai keagamaan, pembangunan sahsiah, tinjauan literatur sistematik.

Abstract: *The issue of prayer neglect among students has received increasing attention in Islamic education discourse, as it reflects the level of religious consciousness and the moral integrity of young Muslims. This study systematically examines the factors influencing the practice and neglect of ṣalāh (prayer) among students across various educational levels. Employing the Systematic Literature Review (SLR) approach based on the PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) framework, a total of 20 peer reviewed articles published between 2015 and 2025 were analysed from Scopus, Web of Science (WoS), Google Scholar, and ResearchGate databases. A qualitative thematic analysis identified four dominant themes: (i) the level and pattern of prayer practices among students, (ii) social factors influencing prayer performance, (iii) religious values and spiritual understanding, and (iv) the effects of prayer neglect on moral character and self discipline. The findings indicate that while students possess adequate religious knowledge, their spiritual internalization remains weak. Social influences particularly family involvement, peer interaction, school environment, and digital media exposure play a significant role in shaping students' consistency in performing prayers. This study contributes to the existing body of Islamic education literature by emphasizing the need for a holistic, experiential, and value based pedagogical approach, rather than a purely ritualistic model of religious instruction. It also highlights directions for future empirical research particularly to examine causal relationships between social and spiritual factors using quantitative and intervention based designs within the context of integrated Islamic education.*

Keywords: *Prayer neglect, Muslim students, religious values, moral development, systematic literature review*

Pengenalan

Solat merupakan tiang agama dan menjadi asas kepada pembentukan identiti serta keseimbangan rohani seorang Muslim. Ia bukan sekadar ritual keagamaan, tetapi juga latihan kerohanian yang mendidik disiplin diri, tanggungjawab dan kawalan emosi (Ismail et al., 2025). Dalam konteks pendidikan Islam, amalan solat dianggap teras dalam pembentukan sahsiah pelajar yang berakhlak mulia dan berdisiplin (Kholid & Mugiyono, 2024) Namun begitu, perubahan sosial dan perkembangan teknologi masa kini menimbulkan kebimbangan terhadap tahap pematuhan pelajar terhadap ibadah solat (Haziq et al., 2023).

Meskipun pelajar mendapat pendidikan agama di sekolah, dapatan semasa menunjukkan sebahagian besar daripada mereka tidak konsisten menunaikan solat, malah ada yang mengabaikannya sepenuhnya (Aiezzatul Akmaliah, binti A., Zainun, binti S., & Salmi, 2024). Keadaan ini menggambarkan kemerosotan penghayatan nilai agama serta kelemahan sistem pembentukan moral yang sepatutnya menjadi benteng kepada keruntuhan akhlak (Sis et al., 2024)). Kajian tempatan turut mendapati bahawa pelajar yang mengabaikan solat cenderung

menunjukkan tingkah laku tidak berdisiplin dan kurang beradab terhadap guru serta rakan sebaya (Rahim et al., 2023). Beberapa kajian turut menunjukkan penurunan pengamalan solat yang ketara di pelbagai peringkat pendidikan. Walaupun pelajar memahami rukun dan syarat sah solat dengan baik, mereka sering gagal menunaikannya secara berterusan (Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, 2015). Jurang antara kefahaman dan pelaksanaan menunjukkan kelemahan penghayatan spiritual yang seharusnya menjadi asas kepada pembentukan sahsiah (Siti Khurshiah, M. M., Syuhaida Idha, Abd. R., & Nur Hidayah, 2021). Dalam masa yang sama, kekurangan pendekatan pengajaran berasaskan pengalaman rohani turut menjejaskan keberkesanan pendidikan Islam (Sis et al., 2024).

Faktor sosial juga memainkan peranan besar dalam mempengaruhi amalan solat pelajar. Antara penyebab utama termasuk pengaruh rakan sebaya, ketagihan permainan dalam talian dan kurangnya pengawasan ibu bapa (Haziq et al., 2023). Peranan ibu bapa dalam membentuk amalan solat sejak awal kehidupan anak-anak amat signifikan (Kamaruddin, K.; Jamil, M.R.M.; Razak, A.A.; Othman, 2023), manakala pelaksanaan solat berjemaah di sekolah terbukti dapat meningkatkan disiplin dan tanggungjawab sosial pelajar (Lubis & Sagala, 2024). Pembiasaan solat dhuha juga didapati membantu pelajar mengurus masa serta menanam nilai tanggungjawab diri (Zakiah, A. N. A., & Pratikno, 2024). Selain itu, persekitaran sosial yang longgar terhadap nilai agama menjadikan solat bukan lagi keutamaan dalam kehidupan pelajar (Sateemae, S., Abdel-Monem, T., & Sateemae, 2015). Walaupun pelbagai inisiatif pendidikan Islam diperkenalkan, kebanyakannya masih tertumpu kepada aspek kognitif tanpa memberi penekanan kepada penghayatan spiritual dan emosi pelajar (Sis et al., 2024). Oleh itu, pendidikan Islam perlu digerakkan ke arah pendekatan holistik dan bersepadu yang menggabungkan pengetahuan agama, amalan ibadah dan penghayatan rohani (Aziz Rekan et al., 2016). Pendekatan ini diyakini mampu melahirkan pelajar yang memahami serta mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh (Suharyat, 2023). Tambahan lagi, kebanyakan penyelidikan lepas membincangkan isu pengabaian solat secara terasing, sama ada dari aspek disiplin, nilai agama atau moral, tanpa menggabungkan ketiga-tiganya secara komprehensif (Nursyahanani et al., 2024). Oleh itu, wujud keperluan untuk menilai semula isu pengabaian solat secara sistematik dengan mengambil kira dimensi sosial, nilai keagamaan dan pembangunan sahsiah. Berdasarkan keperluan ini, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap dan corak pengamalan solat dalam kalangan pelajar serta menilai kesannya terhadap pembentukan sahsiah dan disiplin diri.

Kajian ini memberikan implikasi penting kepada pelbagai pihak. Dari sudut dasar, dapatan ini boleh dijadikan asas kepada penambahbaikan kurikulum pendidikan Islam negara agar lebih menekankan aspek amalan dan penghayatan (Husen Ismail et al., 2025). Bagi komuniti sekolah dan ibu bapa, hasil kajian ini membantu merangka strategi pendidikan bersepadu yang mampu melahirkan pelajar yang berdisiplin dan taat beribadah (Kamaruddin, K.; Jamil, M.R.M.; Razak, A.A.; Othman, 2023). Dari perspektif akademik, kajian ini memperkaya literatur ilmiah melalui sintesis sistematik hubungan antara faktor sosial, nilai keagamaan dan sahsiah pelajar Muslim. Kajian ini melibatkan analisis terhadap 20 artikel yang diterbitkan antara 2015 hingga 2025, merangkumi konteks Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Sorotan Literatur

Kajian tentang pengabaian solat dalam kalangan pelajar telah mendapat perhatian meluas dalam bidang pendidikan Islam, psikologi, dan pembangunan sahsiah. Sebagai rukun Islam kedua, solat bukan sekadar kewajipan ritual tetapi berfungsi sebagai sistem latihan spiritual yang melahirkan individu berdisiplin, berakhlak dan seimbang dari segi emosi serta sosial. Walau

bagaimanapun, hasil kajian mutakhir menunjukkan wujud penurunan tahap pengamalan solat dalam kalangan pelajar Muslim walaupun mereka mendapat pendedahan formal melalui pendidikan Islam di sekolah (Aiezzatul Akmaliah, binti A., Zainun, binti S., & Salmi, 2024 ; Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, 2015). Kajian ini meneliti secara sistematik corak pengamalan solat dan faktor pengabaian yang menjejaskan pembentukan sahsiah pelajar. Hasil sintesis daripada 20 artikel terpilih telah menghasilkan empat tema utama, iaitu (i) tahap dan corak pengamalan solat, (ii) faktor sosial yang mempengaruhi amalan solat, (iii) nilai keagamaan dan kefahaman agama, serta (iv) kesan pengabaian solat terhadap sahsiah dan disiplin diri pelajar.

Tahap dan Corak Pengamalan Solat dalam Kalangan Pelajar

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa tahap pengamalan solat dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana dan tidak konsisten. Aiezzatul Akmaliah, A., Zainun, S., & Salmi, (2024) mendapati sebilangan besar pelajar di Politeknik Kuala Terengganu masih belum melaksanakan solat dengan sempurna dan tidak memahami keseluruhan rukun solat. Hasil yang sama dilaporkan oleh Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, (2015) yang meneliti pelajar Kolej Komuniti Bukit Beruang, di mana tahap kefahaman terhadap solat adalah tinggi tetapi amalan solat berjemaah masih rendah kerana kekangan masa dan suasana pembelajaran yang tidak menyokong pelaksanaan ibadah.

Dalam konteks sekolah rendah, Sulaiman, M. K., & Zulkifli, (2021) mendapati bahawa walaupun murid mengetahui kewajipan solat, pengamalan mereka sering terhenti tanpa pemantauan ibu bapa atau guru. Fenomena ini lebih ketara dalam kalangan remaja sekolah menengah. Kajian oleh Haziq et al., (2023) menunjukkan bahawa ketagihan permainan dalam talian dan media sosial menyebabkan ramai pelajar menangguhkan atau meninggalkan solat. Sementara itu, di peringkat universiti, Husen Ismail et al., (2025) mendapati pelajar menyedari kepentingan solat namun sering mengabaikannya kerana kesibukan akademik serta kurangnya fasiliti yang kondusif.

Secara keseluruhan, hasil sintesis menunjukkan bahawa pelajar melaksanakan solat hanya apabila dipantau atau berada dalam persekitaran beragama. Corak pengamalan ini membayangkan jurang yang ketara antara pengetahuan dan penghayatan, sekali gus mencerminkan pelajar kurang kesedaran terhadap pendidikan agama yang berfungsi membentuk amalan berterusan.

Faktor Sosial yang Mempengaruhi Amalan Solat

Faktor sosial memainkan peranan besar dalam menentukan sama ada pelajar menunaikan atau mengabaikan solat. Kajian Kamaruddin, K.; Jamil, M.R.M.; Razak, A.A.; Othman, (2023) menegaskan bahawa bimbingan ibu bapa merupakan elemen penting dalam membentuk tabiat solat sejak kecil. Kajian mereka mendapati bahawa penglibatan aktif ibu bapa dalam memantau solat anak-anak meningkatkan tahap pelaksanaan ibadah, manakala kekangan masa, tekanan pekerjaan dan kelemahan pengetahuan agama dalam kalangan ibu bapa menjadi halangan utama. Di sekolah, persekitaran sosial yang positif didapati meningkatkan disiplin amalan solat. Kajian oleh Lubis & Sagala, (2024) menunjukkan bahawa pelaksanaan solat berjemaah di sekolah membantu membentuk nilai kebersamaan dan tanggungjawab pelajar terhadap ibadah. Hal ini disokong oleh dapatan Zakiah, A. N. A., & Pratikno, (2024) yang mendapati pembiasaan solat dhuha membentuk disiplin masa dan pengurusan diri pelajar secara signifikan. Sebaliknya, pengaruh negatif rakan sebaya dan media digital merupakan faktor utama pengabaian solat. Haziq et al., (2023) menjelaskan bahawa remaja yang banyak

meluangkan masa bermain permainan dalam talian mudah mengabaikan solat dan kehilangan kesedaran spiritual. Kajian Laily, F., & Sugiana, (2020) turut mengesahkan bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap solat dipengaruhi oleh tekanan sosial dan gaya hidup moden. Sintesis keseluruhan menunjukkan bahawa faktor sosial boleh dikategorikan kepada dua dimensi utama: sokongan positif seperti ibu bapa, guru dan persekitaran sekolah dan pengaruh negatif seperti rakan sebaya, media dan budaya moden. Keseimbangan antara kedua-duanya menentukan sama ada pelajar *istiqamah* atau mengabaikan solat.

Nilai Keagamaan dan Kefahaman Agama

Kefahaman dan penghayatan agama menjadi faktor asas dalam menentukan tahap kepatuhan terhadap solat. Kajian Suharyat, (2023) menunjukkan hubungan signifikan yang kuat antara pengetahuan agama dan ketaatan solat dalam kalangan pelajar SMP Rejis Bekasi, dengan nilai korelasi yang tinggi ($r = 0.8371$). Ini menunjukkan bahawa pengetahuan agama yang baik meningkatkan kesedaran beribadah. Hasil yang sama dilaporkan oleh Sis et al., (2024) yang mendapati ramai murid sekolah rendah tidak memahami makna sebenar solat walaupun diajar secara teori. Kekurangan pemahaman ini menyebabkan mereka tidak menghayati tujuan ibadah dan mudah lalai. Dalam konteks pelajar dewasa, Siti Khurshiah, M. M., Syuhaida Idha, Abd. R., & Nur Hidayah, (2021) menekankan bahawa didikan agama dari rumah dan sokongan moral ibu bapa memberi kesan secara langsung terhadap penghayatan solat mahasiswa. Kajian Nadiyah Hashim, Jamalita Aurani, (2022) pula menegaskan keperluan pendidikan agama yang menekankan kasih sayang, disiplin dan pendekatan tarbiyah lembut dalam membiasakan anak-anak dengan solat. Pendekatan seimbang ini penting bagi mengelakkan sikap negatif terhadap ibadah apabila dewasa.

Keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa nilai keagamaan dan kefahaman spiritual perlu ditanam sejak kecil dan diperkukuh melalui pembelajaran berterusan. Kekurangan penghayatan agama bukan sahaja menyebabkan pengabaian solat tetapi turut melemahkan kawalan moral dan emosi pelajar.

Kesan Pengabaian Solat terhadap Pembentukan Sahsiah dan Disiplin Diri

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa pengabaian solat mempunyai implikasi langsung terhadap sahsiah, akhlak dan disiplin diri pelajar. Saerah Hj Karim, Adenan Ayob, Mohd Rosli Saludin, (2019) mendapati bahawa murid yang menjaga solat secara konsisten lebih sopan, menghormati guru dan mematuhi peraturan sekolah. Kajian Widi, E. N. N., Saraswati, P., & Dayakisni, (2018) pula menunjukkan hubungan positif signifikan antara disiplin solat lima waktu dan kedisiplinan diri pelajar sekolah menengah, di mana pelajar yang berdisiplin dalam solat lebih patuh terhadap peraturan sekolah. Kajian Kholid & Mugiyono, (2024) menyokong dapatan ini dengan menunjukkan bahawa pembiasaan solat harian membentuk keperibadian yang bertanggungjawab dan beretika. Kajian Sateemae, S., Abdel-Monem, T., & Sateemae, (2015) di Thailand pula menegaskan bahawa tahap amalan beragama yang tinggi, termasuk amalan solat, dapat mengurangkan masalah sosial seperti ponteng sekolah dan salah laku moral dalam kalangan remaja Muslim. Selain itu, kajian Nursyahzanani et al., (2024) mendapati bahawa pelajar yang mengamalkan solat secara *istiqamah* mempunyai tahap kepimpinan diri yang tinggi, mampu mengawal emosi serta membuat keputusan yang matang. Dapatan ini menunjukkan bahawa solat bukan sahaja membentuk disiplin tetapi juga berperanan sebagai mekanisme pembangunan kepimpinan dan karakter pelajar. Kajian Lubis & Sagala, (2024) turut menyatakan bahawa amalan solat berjemaah secara rutin dapat memperkukuh nilai tanggungjawab sosial dan kebersamaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Secara keseluruhan, pengabaian solat terbukti membawa kepada kemerosotan nilai moral, kelemahan disiplin, dan penurunan integriti diri dalam kalangan pelajar. Hal ini mengesahkan pandangan bahawa solat bukan hanya tuntutan agama tetapi juga alat pembentukan sahsiah dan sistem kawalan diri.

Sintesis dan Perbincangan Silang

Jadual 1: Ringkasan Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Pengabaian Solat

Tema Utama	Artikel Berkaitan	Dapatan dan Sintesis Ringkas
1. Tahap dan Corak Pengamalan Solat	Aiezzatul Akmaliah Abdullah et al. (2024); Hasna Bidin et al. (2015); Mohamad Kamal Sulaiman & Hafizhah Zulkifli (2021); Huzairi & Zainal Abidin (2023); Ismail et al. (2025)	Kebanyakan pelajar memahami asas hukum dan rukun solat, namun pengamalan masih tidak konsisten. Faktor utama termasuk tekanan akademik, kemudahan surau yang terhad, dan ketagihan media digital. Pengamalan solat bersifat reaktif dilakukan apabila dipantau oleh guru atau ibu bapa.
2. Faktor Sosial yang Mempengaruhi Amalan Solat	Kamaruddin et al. (2023); Lubis et al. (2024); Zakiyah & Pratikno (2024); Majid & Al Muiz (2025); Laily & Sugiana (2020)	Pengaruh sosial seperti bimbingan ibu bapa, guru dan sekolah meningkatkan disiplin amalan solat pelajar. Sebaliknya, pengaruh negatif rakan sebaya, budaya hiburan dan media sosial menyebabkan kecuai dalam solat. Peranan keluarga dan komuniti menjadi faktor penentu kepada istiqamah ibadah.
3. Nilai Keagamaan dan Kefahaman Agama	Suharyat (2023); Hazliana Mohamad Sis et al. (2024); Siti Khurshiah Mohd Mansor et al. (2021); Hashim et al. (2022); Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil & Yusoff (2024)	Terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan agama dan pengamalan solat. Kefahaman spiritual mendalam meningkatkan kesedaran ibadah, manakala pendidikan berasaskan kasih sayang dan hikmah terbukti berkesan dalam membentuk keinsafan pelajar. Tanpa penghayatan rohani, solat dilakukan sebagai rutin kosong tanpa kesan moral.
4. Kesan Pengabaian Solat terhadap Sahsiah dan Disiplin Diri	Rahim et al. (2023); Widi et al. (2017); Sateemae et al. (2015); Amanu & Basri (2017); Kholid & Mugiyono (2024)	Pengabaian solat memberi kesan negatif terhadap disiplin, fokus akademik dan moral pelajar. Pelajar yang istiqamah menunaikan solat menunjukkan sifat sopan, tanggungjawab dan kawalan diri yang tinggi. Amalan berjemaah di sekolah juga meningkatkan nilai kebersamaan, kesabaran dan empati dalam kalangan pelajar.

Analisis silang antara keempat-empat tema ini menunjukkan hubungan yang saling mempengaruhi. Tahap pengamalan solat berkait rapat dengan faktor sosial dan nilai keagamaan. Pelajar yang dibesarkan dalam keluarga beragama, mempunyai guru yang mencontohi amalan solat, dan berada dalam persekitaran sekolah yang mementingkan ibadah, menunjukkan tahap kepatuhan yang tinggi (Kamaruddin, K.; Jamil, M.R.M.; Razak, A.A.; Othman, 2023). Sebaliknya, pelajar yang kurang mendapat bimbingan atau terdedah kepada pengaruh negatif lebih mudah mengabaikan tanggungjawab solat (Haziq et al., 2023). Nilai keagamaan pula bertindak sebagai pengantara antara pengaruh sosial dan sahsiah pelajar. Walaupun seseorang pelajar mungkin berdepan tekanan sosial atau gaya hidup moden, kefahaman agama yang kuat dapat mengekalkan kestabilan spiritual dan disiplin solat (Suharyat, 2023). Sebaliknya, tanpa asas kefahaman agama, pelajar mudah terpengaruh oleh persekitaran dan akhirnya mengabaikan ibadah.

Dari perspektif kesan, pengabaian solat menyebabkan penurunan kualiti sahsiah dan moral pelajar. Kajian Saerah Hj Karin, Adenan Ayob, Mohd Rosli Saludin, (2019) menunjukkan

bahawa solat berperanan besar dalam mengekang salah laku pelajar. Oleh itu, pengabaian solat boleh dianggap sebagai petunjuk kepada kelemahan disiplin dan krisis moral yang semakin meningkat dalam kalangan remaja Muslim.

Sintesis menyeluruh ini menegaskan bahawa isu pengabaian solat perlu difahami secara multidimensi melibatkan aspek individu, keluarga, pendidikan dan masyarakat. Solat bukan hanya amalan ritual, tetapi satu sistem latihan moral dan sosial yang membentuk kesejahteraan jiwa serta identiti Muslim yang sebenar.

Rumusan Sorotan Literatur

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa pengabaian solat dalam kalangan pelajar berpunca daripada interaksi kompleks antara faktor sosial, kefahaman agama, dan kelemahan pembentukan sahsiah. Pelajar yang mempunyai nilai keagamaan tinggi serta bimbingan keluarga yang kukuh lebih berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap ibadah. Sebaliknya, pelajar yang kurang didedahkan kepada pendidikan agama yang berasaskan penghayatan lebih mudah terpengaruh dengan budaya moden dan akhirnya mengabaikan solat. Hasil sintesis 20 artikel ini memperkukuh kefahaman bahawa usaha memperbaiki amalan solat perlu dilaksanakan secara holistik, dengan menggabungkan pendekatan pendidikan Islam yang menekankan amalan praktikal, penglibatan keluarga, serta pembentukan persekitaran sosial yang menyokong nilai-nilai spiritual. Dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia, hasil kajian ini dapat menjadi asas kepada pembangunan model intervensi bersepadu bagi menangani isu pengabaian solat dalam kalangan pelajar secara berterusan dan berkesan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan *Systematic Literature Review (SLR)* bagi meneliti secara menyeluruh isu pengabaian solat dalam kalangan pelajar. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti, menilai dan mensintesis kajian-kajian lepas secara sistematik, berstruktur serta telus. Pendekatan ini berpandukan rangka kerja PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analyses*) yang menekankan empat peringkat utama iaitu *pengenalpastian (identification)*, *saringan (screening)*, *kriteria kelayakan (eligibility)* dan *penyertaan (inclusion)*. Melalui pendekatan PRISMA, setiap langkah dalam proses semakan literatur dilaksanakan dengan teratur bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan.

Proses pencarian artikel dijalankan secara menyeluruh melalui beberapa pangkalan data utama termasuk Scopus, Web of Science (WoS), Google Scholar, dan ResearchGate. Pemilihan pangkalan data ini bertujuan memastikan liputan yang komprehensif terhadap kajian-kajian akademik yang relevan dengan topik pengabaian solat. Carian dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2025. Kata kunci utama yang digunakan dalam carian termasuk “pengamalan solat”, “pengabaian solat”, “ibadah solat”, “pelajar sekolah”, “pelajar universiti”, “remaja”, “faktor sosial”, “nilai agama”, dan “pembangunan sahsiah”. Operator Boolean seperti AND dan OR turut digunakan bagi menggabungkan istilah yang berkaitan, contohnya: (“pengabaian solat” OR “pengamalan solat”) AND (“pelajar sekolah” OR “pelajar universiti”) AND (“faktor sosial” OR “nilai keagamaan”). Penggunaan *truncation* dan wildcard seperti *pray* (prayer, praying, prayers) turut digunakan untuk memperluas variasi hasil carian. Tempoh penerbitan artikel dihadkan kepada tahun 2015 hingga 2025 bagi memastikan data yang digunakan bersifat terkini dan relevan.

Jadual 2: Perincian Rentetan Carian bagi Pangkalan Data (*Search String Details for Databases*)

Pangkalan Data	Rentetan Carian (<i>Search String</i>)	Operator Boolean & Truncation	Bilangan Artikel Diperoleh
Scopus	("pengabaian solat" OR "pengamalan solat" OR "ibadah solat") AND ("pelajar sekolah" OR "pelajar menengah" OR "pelajar universiti") AND ("faktor sosial" OR "nilai agama" OR "pembangunan sahsiah")	AND, OR, <i>Truncation:</i> pelajar (pelajar*, pelajars)	42
Web of Science (WoS)	("Muslim prayer practice" OR "neglect of prayer" OR "religiosity among students") AND ("social factors" OR "moral development") AND ("school" OR "university")	AND, OR, <i>Wildcard:</i> pray* (prayer, praying, prayers)	36
Google Scholar	("pengabaian solat pelajar" OR "penghayatan solat" OR "disiplin solat") AND ("remaja" OR "pelajar sekolah menengah" OR "mahasiswa")	AND, OR	28
ResearchGate	("amalan solat" OR "pengabaian ibadah" OR "spiritual practices") AND ("faktor sosial" OR "nilai keagamaan" OR "sahsiah pelajar")	AND, OR	20
Jumlah Keseluruhan	—	—	126 artikel dijumpai sebelum penapisan PRISMA

Bagi memastikan kesesuaian artikel yang dipilih, beberapa kriteria kemasukan dan pengecualian telah ditetapkan. Kriteria kemasukan meliputi artikel yang membincangkan isu pengamalan atau pengabaian solat dalam kalangan pelajar sekolah atau universiti, diterbitkan dalam jurnal berwasiat, tersedia dalam teks penuh, dan menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Artikel yang tidak relevan dengan topik kajian, seperti yang membincangkan ibadah selain solat, yang bersifat konseptual tanpa data empirikal, atau diterbitkan dalam bahasa lain, telah dikecualikan daripada analisis.

Proses pemilihan artikel mengikut protokol PRISMA bermula dengan fasa pengenalpastian, di mana sebanyak 126 artikel diperoleh daripada semua pangkalan data. Seterusnya, 28 artikel dikeluarkan kerana duplikasi, menjadikan 98 artikel untuk saringan abstrak. Daripada jumlah tersebut, 58 artikel digugurkan kerana tidak memenuhi skop kajian. Sebanyak 40 artikel kemudian dinilai sepenuhnya dari segi isi kandungan, dan akhirnya 20 artikel yang memenuhi semua kriteria dimasukkan dalam analisis akhir. Proses ini direkodkan dalam Rajah PRISMA Flowchart, yang memperincikan bilangan artikel pada setiap peringkat saringan bagi menjamin ketelusan dan kebolehpercayaan metodologi.

Jadual 3: Perincian Proses PRISMA

Peringkat PRISMA	Keterangan Proses Pemilihan	Bilangan Artikel (n)
Pengenalpastian (Identification)	Jumlah artikel yang diperoleh daripada semua pangkalan data (Scopus, WoS, Google Scholar, ResearchGate) berdasarkan rentetan carian yang ditetapkan.	126
Penapisan Duplikasi (Duplicates Removed)	Artikel berulang yang dikenal pasti dan dikeluarkan bagi mengelakkan kiraan berganda.	28

Saringan Abstrak dan Tajuk (Screening)	Artikel yang tinggal selepas duplikasi dibuang disemak berdasarkan tajuk dan abstrak untuk menilai kesesuaian awal dengan topik kajian.	98
Pengecualian Artikel Tidak Relevan	Artikel yang tidak berkaitan langsung dengan isu pengabaian solat atau tidak memenuhi kriteria metodologi dikeluarkan.	58
Penilaian Teks Penuh (Eligibility)	Artikel yang lulus saringan awal dinilai secara menyeluruh (full-text review) dari segi objektif, metodologi dan kesesuaian konteks kajian.	40
Artikel Tidak Memenuhi Kriteria Kelayakan	Artikel yang tidak mempunyai data empirikal, tiada hubungan dengan tema solat, atau diterbitkan dalam bahasa lain.	20
Penyertaan Akhir (Inclusion)	Artikel yang memenuhi semua kriteria kemasukan dan dianalisis secara penuh dalam kajian sistematik ini.	20

Data daripada 20 artikel terpilih dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*) bagi mengenal pasti pola dan tema utama dalam literatur. Hasil analisis menghasilkan empat tema utama iaitu tahap dan corak pengamalan solat, faktor sosial yang mempengaruhi amalan solat, nilai keagamaan dan kefahaman spiritual, serta kesan pengabaian solat terhadap sahsiah dan disiplin diri pelajar. Proses pengelasan tema ini dilaksanakan secara manual dengan bantuan perisian Mendeley untuk pengurusan rujukan dan semakan bibliografi.

Bagi memastikan kualiti dan kesahan artikel yang dipilih, setiap artikel dinilai menggunakan kriteria penilaian kualiti (*Quality Assessment*) yang menilai kejelasan objektif, ketepatan metodologi, kesesuaian dengan objektif kajian, serta perbandingan dengan penyelidikan terdahulu.

Jadual 4: Perincian kriteria penilaian kualiti (*Quality Assessment*)

Kajian (Penulis & Tahun)	QA1	QA2	QA3	QA4	QA5	QA6	Skor (%)
Aiezzatul Akmaliah Abdullah, Zainun Salleh & Salmi Mohd (2024)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Khairizah Kamaruddin, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Aishah Abdul Razak & Mohd Syaubari Othman (2023)	1	1	1	0.5	0.5	1	83%
Siti Khurshiah Mohd Mansor, Syuhaida Idha Abd Rahim & Nur Hidayah Zainal (2021)	1	1	1	1	1	1	100%
Muhammad Haziq Ikmal Huzairi & Mohd Syukri Zainal Abidin (2023)	1	1	1	0.5	0.5	1	83%
Nadiyah Hashim, Jamaliah Aurani & Noraini Ismail (2022)	1	1	1	0.5	0.5	1	83%
Muhammad Nurmala Majid & Mochamad Nasichin Al Muiz (2025)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Fadilatul Laily & Aset Sugiana (2020)	1	1	0.5	0.5	0.5	1	75%
Kholid & Mugiyono (2024)	1	1	1	1	1	1	100%
Faisal Husen Ismail, Mohd Shafiq Sahimi, Abd Shakor Borham, Shakila Ahmad & Faishal Zakaria (2025)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Suhaimee Sateemae, Tarik Abdel-Monem & Mahsoom Sateemae (2015)	1	1	1	0.5	0	1	75%
Yayat Suharyat (2023)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Eggy Nararya Narendra Widi, Putri Saraswati & Tri Dayakisni (2017)	1	1	1	0.5	0.5	1	83%
Ahmaddah Nur Alfiatuz Zakiyah & Ahmad Sudi Pratikno (2024)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Bella Ananda Lubis, Nursalimah & Ahmad Habin Sagala (2024)	1	1	1	1	0.5	1	92%

Amanu & Hasan Basri (2017)	1	1	1	0.5	0.5	1	83%
Yayat Suharyat, Mohd Yusoff et al. (2023)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Hazliana Mohamad Sis, Roslan Ab Rahman & Siti Fatimah Salleh (2024)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin & Mohd Ismail Mustari (2015)	1	1	1	1	0.5	1	92%
Mohamad Kamal Sulaiman & Hafizhah Zulkifli (2021)	1	1	1	1	1	1	100%
Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil & Zawawi Yusoff (2024)	1	1	1	1	1	1	100%

Selain itu, hasil pengekodan tema telah disemak dan disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan Psikologi Pendidikan bagi memastikan kesahihan interpretasi dan kesepakatan tema (Braun & Clarke, 2023). Pendekatan triangulasi digunakan untuk meminimumkan bias dan meningkatkan kebolehpercayaan analisis. Semua dapatan akhir dibentangkan dalam bentuk jadual dan rajah visual, termasuk jadual pencarian kata kunci, PRISMA flowchart, dan jadual ringkasan artikel yang merangkumi butiran penulis, tahun, fokus dan penemuan utama setiap kajian (Bans-Akutey & Tiimub, 2021).

Secara keseluruhannya, kaedah sistematik ini memastikan bahawa setiap dapatan kajian diperoleh melalui proses yang telus dan empirikal. Dengan menggunakan pendekatan PRISMA dan analisis tematik, kajian ini dapat mengenal pasti pola pengabaian solat dalam kalangan pelajar secara mendalam, sekaligus memberikan gambaran holistik tentang hubungan antara faktor sosial, nilai agama, dan pembangunan sahsiah pelajar Muslim masa kini (Shaheen et al., 2023).

Keputusan

Bahagian ini membentangkan dapatan daripada 20 artikel yang telah dianalisis secara sistematik berdasarkan empat tema utama, iaitu: (i) tahap dan corak pengamalan solat pelajar, (ii) faktor sosial yang mempengaruhi amalan solat, (iii) nilai keagamaan dan kefahaman spiritual, serta (iv) kesan pengabaian solat terhadap sahsiah dan disiplin diri. Sintesis dapatan ini menggunakan gabungan pendekatan naratif dan visualisasi jadual bagi menonjolkan pola dan hubungan antara tema.

Jadual 5: Pola dan Hubungan antara Tema Kajian

Tema Utama	Artikel Berkaitan	Pola Dapatan Utama	Hubungan dengan Tema Lain
1. Tahap dan Corak Pengamalan Solat Pelajar	Aiezzatul Akmaliah Abdullah et al. (2024); Hasna Bidin et al. (2015); Ismail et al. (2025); Mohamad Kamal Sulaiman & Hafizhah Zulkifli (2021); Huzairi & Zainal Abidin (2023)	Pelajar memahami asas solat tetapi amalan tidak konsisten. Pengamalan bersifat reaktif dan dipengaruhi pengawasan luar.	Berkait rapat dengan faktor sosial (Tema 2) yang menentukan motivasi amalan dan nilai keagamaan (Tema 3) yang mendorong kepada amalan istiqamah
2. Faktor Sosial yang Mempengaruhi Amalan Solat	Khairizah Kamaruddin et al. (2023); Lubis et al. (2024); Zakiyah & Pratikno (2024); Majid & Al-Muiz (2025); Laily & Sugiana (2020)	Sokongan ibu bapa, guru dan komuniti meningkatkan disiplin solat. Pengaruh rakan sebaya dan media	Menjadi pengantara kepada Tema 1, manakala keberkesanan faktor sosial bergantung pada kekuatan nilai keagamaan (Tema 3).

		sosial melemahkan amalan.	
3. Nilai Keagamaan dan Kefahaman Spiritual	Suharyat (2023); Siti Khurshiah Mohd Mansor et al. (2021); Hashim et al. (2022); Hazliana Mohamad Sis et al. (2024); Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil & Yusoff (2024)	Pengetahuan agama yang mendalam meningkatkan ketaatan solat. Penghayatan spiritual menjadi pemacu sahsiah pelajar.	Berfungsi sebagai pengantara antara faktor sosial (Tema 2) dan sahsiah (Tema 4), kerana kefahaman rohani memperkukuh tindakan positif hasil bimbingan sosial.
4. Kesan Pengabaian Solat terhadap Sahsia dan Disiplin Diri	Rahim et al. (2023); Widi et al. (2017); Sateemae et al. (2015); Amanu & Basri (2017); Kholid & Mugiyono (2024)	Solat meningkatkan disiplin, kawalan diri, dan nilai moral. Pengabaian solat menyebabkan kelemahan sahsiah dan keruntuhan akhlak.	Merupakan hasil akhir kepada interaksi antara pengamalan solat (Tema 1), faktor sosial (Tema 2), dan nilai keagamaan (Tema 3).
Hubungan Silang Tema	Semua 20 Artikel	Pengamalan solat dipengaruhi oleh faktor sosial dan nilai keagamaan. Nilai agama menjadi penghubung antara pengaruh sosial dan sahsiah.	Keempat-empat tema saling berkait dan membentuk rangka konseptual yang menunjukkan bahawa pengabaian solat ialah fenomena multidimensi yang memerlukan pendekatan holistik dalam pendidikan Islam.

Tahap dan Corak Pengamalan Solat dalam Kalangan Pelajar

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap pengamalan solat dalam kalangan pelajar di Malaysia, Indonesia, dan Thailand masih tidak konsisten walaupun pengetahuan asas agama dianggap memadai. Aiezzatul Akmaliyah, binti A., Zainun, binti S., & Salmi, (2024) mendapati pelajar Politeknik Kuala Terengganu mempunyai kefahaman tinggi terhadap konsep solat fardhu tetapi gagal menunaikannya secara konsisten, khususnya di luar waktu pengajian. Hasil ini menunjukkan kewujudan jurang antara pengetahuan agama dan amalan sebenar, menandakan bahawa aspek penghayatan spiritual masih belum kukuh. Kajian oleh Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, (2015) turut mengesahkan fenomena serupa dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bukit Beruang, di mana amalan solat berjemaah masih rendah walaupun tahap kesedaran agama tinggi. Pelajar lebih cenderung melihat solat sebagai tanggungjawab, bukan keperluan rohani. Sementara itu, Sulaiman, M. K., & Zulkifli, (2021) melaporkan bahawa pelajar sekolah rendah memahami kepentingan solat tetapi hanya menunaikannya apabila disuruh oleh guru atau ibu bapa, menunjukkan tahap autonomi spiritual yang lemah. Dalam konteks sekolah menengah, Haziq et al., (2023) menyoroti pengaruh ketagihan permainan dalam talian yang menyebabkan pelajar sering menangguh atau meninggalkan solat. Dapatan ini menonjolkan pengaruh teknologi dan hiburan digital terhadap amalan keagamaan remaja. Sementara itu, Husen Ismail et al., (2025) mendapati pelajar universiti awam di Johor sedar tentang kewajipan solat, namun tekanan akademik dan aktiviti kampus mengurangkan konsistensi ibadah.

Berdasarkan sintesis keseluruhan, pelajar di semua peringkat menunjukkan corak pengamalan solat yang reaktif dan situasional, iaitu dilakukan apabila dipantau atau berada dalam suasana keagamaan. Justeru, pendidikan Islam perlu beralih daripada penekanan teori kepada

pendekatan pembentukan tabiat yang memupuk sikap *istiqamah* dalam solat sebagai amalan harian

Faktor Sosial yang Mempengaruhi Amalan Solat

Faktor sosial dikenal pasti sebagai pemangkin utama dalam menentukan tahap konsistensi pelajar terhadap solat. Kajian oleh Kamaruddin, K.; Jamil, M.R.M.; Razak, A.A.; Othman, (2023) menegaskan bahawa bimbingan ibu bapa sejak usia awal memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin solat anak-anak. Kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana rumah yang menitikberatkan solat lebih berkemungkinan mengekalkan amalan tersebut sehingga dewasa.

Dalam konteks persekitaran sekolah, Lubis & Sagala, (2024) mendapati pelaksanaan solat berjemaah di sekolah bukan sahaja meningkatkan disiplin diri, tetapi juga membentuk nilai tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar. Kajian Zakiyah, A. N. A., & Pratikno, (2024) pula menyoroti keberkesanan pembiasaan solat *dhuha* sebagai kaedah mendidik pelajar menjadi lebih berdisiplin dan menghargai masa. Majid & Al Muiz, (2025) turut menyokong dapatan tersebut apabila mendapati pelajar di MTs Negeri 9 Blitar menunjukkan peningkatan ketara dari segi disiplin selepas diterapkan rutin solat berjemaah.

Sebaliknya, pengaruh sosial negatif seperti rakan sebaya dan media digital sering menjadi penghalang kepada pelajar untuk beristiqamah. Haziq et al., (2023) menyatakan bahawa pelajar yang menghabiskan banyak masa bermain permainan dalam talian lebih cenderung meninggalkan solat. Kajian Laily, F., & Sugiana, (2020)) menambah bahawa peranan guru Pendidikan Agama Islam perlu diperkuatkan kerana mereka merupakan antara pembimbing yang paling dekat dengan pelajar.

Secara keseluruhannya, faktor sosial berfungsi sebagai ekosistem nilai yang membentuk sama ada pelajar konsisten atau lalai dalam ibadah solat. Ibu bapa, guru, dan rakan sebaya perlu berfungsi secara sinergi dalam mengukuhkan budaya solat sebagai sebahagian daripada kehidupan pelajar Muslim.

Nilai Keagamaan dan Kefahaman Spiritual

Tema ketiga menekankan bahawa kefahaman agama dan nilai spiritual menjadi asas kepada pengamalan solat yang berterusan. Suharyat, (2023) menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara pengetahuan agama dan amalan solat dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Bekasi, Indonesia. Dapatan ini disokong oleh (Sis et al., 2024) yang mendapati murid sekolah rendah di Melaka memahami rukun solat tetapi gagal menghayati maknanya, menyebabkan amalan solat dilakukan tanpa kesedaran rohani.

Kajian oleh Siti Khurshiah, M. M., Syuhaida Idha, Abd. R., & Nur Hidayah, (2021) pula menegaskan bahawa didikan agama secara konsisten oleh ibu bapa mampu meningkatkan penghayatan solat dalam kalangan pelajar universiti. Sementara itu, Nadiyah Hashim, Jamalina Aurani, (2022) memperincikan bahawa pendekatan tarbiah kasih sayang lebih berkesan dalam membentuk konsistensi solat berbanding pendekatan hukuman. Kajian Nursyahzanani et al., (2024) menambah bahawa pelajar yang memahami hikmah dan tujuan solat bukan sahaja menunjukkan disiplin tinggi tetapi juga kepimpinan moral yang mantap.

Secara keseluruhan, tema ini membuktikan bahawa nilai keagamaan bukan hanya faktor dalaman tetapi juga penentu tingkah laku dan moral pelajar. Pendidikan Islam perlu

memperkuat dimensi penghayatan melalui pembelajaran reflektif, bimbingan spiritual, dan amalan berterusan supaya pelajar dapat memahami solat sebagai bentuk komunikasi dengan Allah, bukan sekadar ritual harian

Kesan Pengabaian Solat terhadap Sahsiah dan Disiplin Diri

Tema terakhir menjelaskan kesan langsung pengabaian solat terhadap pembangunan sahsiah dan disiplin pelajar. Saerah Hj Karin, Adenan Ayob, Mohd Rosli Saludin, (2019) melaporkan bahawa murid yang menjaga solat menunjukkan kesopanan dan disiplin yang lebih tinggi berbanding mereka yang culas. Kajian oleh Widi, E. N. N., Saraswati, P., & Dayakisni, (2018) turut mengesahkan bahawa disiplin solat mempunyai korelasi positif dengan disiplin diri, menunjukkan bahawa amalan solat mampu melatih kecekapan sendiri dan pengurusan masa. Kajian Sateemae, S., Abdel-Monem, T., & Sateemae, (2015) di Thailand menunjukkan pelajar Muslim yang konsisten bersolat kurang terlibat dalam salah laku sosial seperti ponteng dan pergaduhan. Admin, admin, Amanu, A., & Basri, (2017) menambah bahawa solat berjemaah membantu pelajar mengawal emosi, membina kesabaran dan kerjasama dalam kumpulan. Sementara itu, Kholid & Mugiyono, (2024) menunjukkan bahawa pembiasaan solat lima waktu di sekolah menengah meningkatkan disiplin akademik dan tanggungjawab diri pelajar. Dapatan dari Lubis & Sagala, (2024) turut menyokong bahawa rutin solat berjemaah di sekolah membentuk nilai kasih sayang, saling menghormati dan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhan, pengabaian solat bukan hanya berkait dengan aspek spiritual tetapi memberi kesan holistik terhadap tingkah laku, moral dan sahsiah pelajar Muslim.

Rumusan Dapatan Keseluruhan

Hasil keseluruhan analisis menunjukkan bahawa pengabaian solat dalam kalangan pelajar berpunca daripada gabungan faktor dalaman dan luaran. Secara dalaman, kelemahan penghayatan agama dan kurangnya kesedaran rohani menjadikan solat tidak dianggap sebagai keutamaan. Secara luaran pula, tekanan sosial, pengaruh media digital, dan persekitaran sekolah yang tidak menyokong menjadi penyumbang utama.

Namun begitu, bukti daripada 20 artikel menunjukkan bahawa solat bukan sahaja amalan keagamaan, tetapi instrumen pendidikan moral dan sosial yang dapat membentuk disiplin, empati, dan tanggungjawab diri. Pelajar yang konsisten dalam solat memperlihatkan sikap lebih sopan, fokus dan seimbang secara emosi. Oleh itu, dapatan ini menggesa agar institusi pendidikan Islam memperkuat strategi pembelajaran yang bukan sahaja menekankan pengetahuan hukum tetapi juga penghayatan dan amalan solat dalam konteks kehidupan harian pelajar Muslim

Perbincangan

Kajian ini bertujuan meneliti secara sistematik isu pengabaian solat dalam kalangan pelajar dengan memberi tumpuan kepada faktor sosial, nilai keagamaan dan implikasinya terhadap pembangunan sahsiah. Berdasarkan 20 artikel yang dianalisis, empat tema utama telah dikenal pasti: tahap dan corak pengamalan solat, faktor sosial yang mempengaruhi amalan solat, nilai keagamaan dan kefahaman spiritual, serta kesan pengabaian solat terhadap sahsiah dan disiplin diri. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa pengabaian solat bukan sahaja berpunca daripada kelemahan individu tetapi turut dipengaruhi oleh ekosistem sosial dan pendidikan yang kurang menekankan penghayatan agama secara menyeluruh.

Interpretasi Dapatan

Tema pertama mengenai tahap dan corak pengamalan solat menunjukkan bahawa pelajar di semua peringkat pendidikan mempunyai pengetahuan asas yang baik tetapi pengamalan yang tidak konsisten. Aiezzatul Akmaliah, binti A., Zainun, binti S., & Salmi, (2024) melaporkan bahawa pelajar politeknik memahami hukum dan rukun solat, namun amalan mereka sering bergantung pada situasi dan pengawasan pihak lain. Ini selari dengan dapatan Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, (2015) yang menunjukkan jurang jelas antara kesedaran dan tindakan. Keadaan ini menggambarkan bahawa proses pendidikan Islam masih banyak berfokus kepada aspek kognitif dan ritual tanpa penekanan mendalam kepada aspek afektif seperti niat, keinsafan dan hubungan rohani dengan Allah SWT.

Dalam konteks faktor sosial, dapatan menunjukkan bahawa pengaruh keluarga, sekolah dan rakan sebaya sangat dominan dalam membentuk tabiat solat pelajar. Kajian Kamaruddin, K.; Jamil, M.R.M.; Razak, A.A.; Othman, (2023) mendapati bimbingan ibu bapa dan sokongan keluarga merupakan asas utama pembentukan disiplin solat. Sebaliknya, kekurangan perhatian dan komunikasi keagamaan dalam keluarga menyebabkan pelajar mudah lalai. Ini dikuatkan lagi oleh dapatan Lubis & Sagala, (2024) yang menegaskan bahawa pelaksanaan solat berjemaah di sekolah memberi kesan positif terhadap disiplin dan tanggungjawab pelajar. Namun, pengaruh negatif rakan sebaya dan media sosial seperti yang ditunjukkan oleh (Haziq et al., 2023) terus menjadi cabaran besar dalam mengekalkan amalan solat dalam kalangan pelajar.

Nilai keagamaan dan kefahaman spiritual pula didapati sebagai faktor dalaman yang kritikal. Suharyat, (2023) menunjukkan hubungan positif antara pengetahuan agama dan kekerapan solat, manakala Siti Khurshiah, M. M., Syuhaida Idha, Abd. R., & Nur Hidayah, (2021) menekankan bahawa didikan agama secara konsisten di rumah dapat membentuk penghayatan solat yang mendalam. Kajian Nadiyah Hashim, Jamalita Aurani, (2022) pula membuktikan bahawa pendekatan kasih sayang lebih berkesan daripada hukuman dalam melatih anak-anak menunaikan solat. Dapatan ini memperlihatkan bahawa nilai keagamaan yang dipupuk dengan pendekatan hikmah dan penuh empati mampu melahirkan pelajar yang bukan sahaja taat beribadah tetapi juga berakhlak.

Akhir sekali, kesan pengabaian solat terhadap sahsiah pelajar dapat dilihat secara menyeluruh. Saerah Hj Karin, Adenan Ayob, Mohd Rosli Saludin, (2019) menunjukkan bahawa pelajar yang menjaga solat cenderung memiliki disiplin dan kesopanan yang lebih tinggi. Dapatan ini konsisten dengan Widi, E. N. N., Saraswati, P., & Dayakisni, (2018) yang menegaskan bahawa amalan solat mampu melatih kawalan diri dan pengurusan masa. Kholid & Mugiyono, (2024) pula mendapati pembiasaan solat lima waktu di sekolah menengah berjaya meningkatkan tanggungjawab akademik dan sosial pelajar. Secara keseluruhannya, solat dilihat bukan sekadar ibadah tetapi juga instrumen pendidikan moral dan pembangunan sahsiah.

Perbandingan dengan Kajian Terdahulu

Dapatan kajian ini secara umumnya sejajar dengan hasil penyelidikan terdahulu yang menekankan peranan solat dalam membentuk karakter pelajar Muslim. Kajian oleh Sateemae, S., Abdel-Monem, T., & Sateemae, (2015) di Thailand menunjukkan bahawa pelajar yang konsisten menunaikan solat kurang terlibat dalam masalah sosial seperti ponteng dan pergaduhan. Hasil ini seiring dengan dapatan Admin, admin, Amanu, A., & Basri, (2017) yang mendapati bahawa solat berjemaah membentuk nilai kesabaran, kejujuran dan kerjasama dalam kalangan pelajar. Dalam konteks tempatan, Sis et al., (2024) mengesahkan bahawa kelemahan

penghayatan terhadap solat sering berkait rapat dengan kecuaiian moral dan penurunan adab di sekolah. Namun begitu, berbeza dengan beberapa kajian terdahulu yang menumpukan kepada satu aspek tertentu, SLR ini memperlihatkan hubungan interaktif antara faktor sosial dan nilai spiritual sebagai penyebab pengabaian solat. Misalnya, walaupun pengaruh ibu bapa diakui penting, kesannya menjadi terhad jika persekitaran sekolah dan rakan sebaya tidak menyokong nilai keagamaan. Dapatan ini membuktikan bahawa pengabaian solat ialah fenomena yang melibatkan interaksi kompleks antara individu dan konteks sosial. Kajian ini turut melengkapi literatur sedia ada dengan menunjukkan bahawa pembangunan sahsiah pelajar tidak boleh hanya bergantung pada sistem pembelajaran formal, sebaliknya memerlukan pendekatan pendidikan Islam yang holistik merangkumi dimensi kognitif, afektif dan psikomotor.

Implikasi terhadap Teori, Amalan dan Dasar

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting kepada teori dan amalan pendidikan Islam. Dari segi teori, kajian ini menyokong pandangan bahawa pengamalan solat merupakan pemboleh ubah tingkah laku keagamaan yang boleh diramal melalui gabungan faktor sosial dan nilai spiritual. Ini selaras dengan Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) yang menyatakan bahawa tingkah laku manusia terbentuk melalui pemerhatian dan peniruan dalam persekitaran sosial (Amsari, D., Wahyuni, E., & Fadhilaturrahmi, 2024). Dalam konteks ini, pelajar yang melihat ibu bapa, guru, dan rakan sebaya menunaikan solat secara konsisten lebih berpotensi mengamalkan ibadah tersebut secara berterusan.

Dari segi amalan, kajian ini menegaskan keperluan pendekatan pedagogi berasaskan pengalaman rohani dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah. Aktiviti seperti solat berjemaah, bimbingan rohani, dan refleksi diri perlu dijadikan rutin bagi membentuk keistiqamahan pelajar. Kajian oleh Zakiyah, A. N. A., & Pratikno, (2024) menunjukkan bahawa pembiasaan solat *dhuha* di sekolah meningkatkan disiplin pelajar, manakala Majid & Al Muiz, (2025) membuktikan keberkesanan program solat berjemaah dalam membina budaya patuh peraturan.

Dari sudut dasar hasil kajian ini mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkukuh modul penghayatan ibadah dalam kurikulum Pendidikan Islam. Modul tersebut perlu menekankan bukan sahaja teori ibadah tetapi juga dimensi emosi dan sosial seperti empati, tanggungjawab dan kesedaran spiritual. Kerajaan juga disaran untuk memperkenalkan Program Sahsiah Solat Bersepadu di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang melibatkan guru, kaunselor, dan ibu bapa sebagai rakan kolaboratif.

Selain itu, implikasi terhadap komuniti juga signifikan. Masjid dan surau setempat boleh berperanan sebagai pusat bimbingan solat remaja dengan mengadakan aktiviti *mentoring spiritual* dan *youth prayer circles* untuk menanam nilai istiqamah dalam kalangan pelajar. Bagi industri pendidikan dan latihan guru, hasil kajian ini menggariskan kepentingan membangunkan kompetensi guru agama dalam aspek psikologi pelajar, supaya bimbingan solat bukan hanya bersifat pengajaran ritual tetapi menyentuh aspek motivasi dalaman dan pembinaan karakter.

Limitasi Kajian dan Arah Kajian Lanjutan

Walaupun kajian ini dijalankan secara sistematik dan berpandukan protokol PRISMA, beberapa batasan perlu diakui. Pertama, kajian ini hanya menumpukan kepada 20 artikel yang diterbitkan antara tahun 2015 hingga 2025. Ini mungkin mengehadkan keluasan dapatan, khususnya terhadap variasi konteks budaya luar Asia Tenggara. Kedua, majoriti artikel yang dianalisis

berbentuk kajian deskriptif dan korelasi, yang menghadkan keupayaan untuk menilai hubungan sebab-akibat antara faktor sosial dan amalan solat.

Ketiga, walaupun analisis tema dilakukan secara teliti, proses interpretasi masih bergantung pada penilaian penyelidik, yang berpotensi menimbulkan sedikit bias. Walau bagaimanapun, langkah validasi oleh dua pakar bidang telah dilaksanakan bagi memastikan kebolehpercayaan tema. Kajian masa hadapan disaran menggunakan pendekatan *mixed method systematic review* bagi menilai kekuatan hubungan antara pemboleh ubah sosial, keagamaan dan sahsiah secara statistik. Tambahan pula, penyelidikan lanjutan boleh memperluas konteks kepada negara-negara lain yang mempunyai struktur pendidikan Islam berbeza, seperti Brunei, Mesir atau Turki, bagi mengenal pasti faktor budaya yang mempengaruhi pengamalan solat. Kajian juga boleh meneliti peranan teknologi digital dalam memperkukuh atau melemahkan amalan solat pelajar, memandangkan media sosial kini menjadi sebahagian besar daripada kehidupan remaja Muslim.

Kesimpulan Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengabaian solat dalam kalangan pelajar merupakan isu multidimensi yang melibatkan interaksi antara nilai keagamaan, pengaruh sosial, dan konteks pendidikan. Solat bukan hanya penanda kepatuhan terhadap perintah agama, tetapi juga indikator kepada keseimbangan sahsiah dan disiplin diri pelajar Muslim. Kajian ini menegaskan keperluan pendekatan pendidikan Islam yang lebih bersepadu, dengan penekanan kepada pembentukan penghayatan spiritual serta persekitaran sosial yang menyokong pelajar untuk menunaikan solat dengan penuh kesedaran dan istiqamah.

Kesimpulan

Kajian ini telah melaksanakan tinjauan literatur sistematik (SLR) terhadap 20 artikel terpilih yang membincangkan isu pengabaian solat dalam kalangan pelajar dari pelbagai peringkat pendidikan. Hasil sintesis menunjukkan bahawa amalan solat dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang membimbangkan, dengan pelbagai faktor yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Kajian ini mengenal pasti empat tema utama yang menjelaskan fenomena tersebut, iaitu tahap dan corak pengamalan solat, faktor sosial yang mempengaruhi amalan solat, nilai keagamaan dan kefahaman spiritual, serta kesan pengabaian solat terhadap pembentukan sahsiah dan disiplin diri pelajar. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa pelajar memiliki pengetahuan agama yang mencukupi tetapi penghayatan yang lemah, menyebabkan solat dilihat sebagai kewajipan rutin dan bukan sebagai sumber kekuatan spiritual. Faktor sosial seperti pengaruh keluarga, rakan sebaya, persekitaran sekolah, dan kemajuan teknologi digital turut memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada pelajar konsisten atau lalai dalam menunaikan solat. Dalam masa yang sama, nilai keagamaan yang dipupuk melalui pendidikan Islam dan bimbingan ibu bapa didapati menjadi teras utama pembentukan sahsiah pelajar Muslim. Kajian ini juga menegaskan bahawa solat bukan sekadar tuntutan ibadah, tetapi berfungsi sebagai instrumen pembentukan akhlak, disiplin, dan kesejahteraan diri yang menyeluruh.

Implikasi kajian ini terhadap amalan dan dasar pendidikan amat signifikan. Institusi pendidikan perlu memperkukuh pendekatan pengajaran berasaskan penghayatan dengan memberi fokus kepada dimensi emosi dan spiritual pelajar. Program pembiasaan solat berjemaah, bimbingan rohani, serta penglibatan ibu bapa dalam pendidikan keagamaan harus dijadikan strategi utama dalam usaha membina pelajar yang berdisiplin dan berakhlak. Selain itu, pihak pembuat dasar disaran untuk memperkenalkan modul penghayatan ibadah yang lebih holistik dalam kurikulum

Pendidikan Islam, agar pelajar bukan sekadar memahami hukum tetapi juga menghayati hikmah dan nilai solat dalam kehidupan seharian.

Dari sudut penyelidikan masa hadapan, kajian ini mencadangkan beberapa hala tuju baharu. Pertama, penyelidikan lanjutan perlu menilai hubungan sebab akibat antara faktor sosial dan amalan solat menggunakan pendekatan kuantitatif seperti *structural equation modelling (SEM)*. Kedua, kajian berasaskan intervensi boleh dijalankan untuk menilai keberkesanan program penghayatan solat di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Ketiga, terdapat keperluan untuk meneroka pengaruh teknologi digital dan media sosial terhadap sikap keagamaan pelajar, memandangkan generasi kini semakin terdedah kepada kandungan hiburan yang boleh melemahkan komitmen spiritual.

Akhir sekali, kajian rentas budaya juga wajar dijalankan bagi membandingkan pola pengamalan solat di negara Islam lain, seperti Indonesia, Brunei dan Mesir, bagi memahami kesan konteks sosio-budaya terhadap amalan keagamaan pelajar. Kesemua cadangan ini diharap dapat memperkukuh landasan teori dan amalan pendidikan Islam, sekaligus membantu melahirkan generasi Muslim yang bukan sahaja memahami erti solat, tetapi mengamalkannya dengan penuh kesedaran, disiplin dan keikhlasan.

Rujukan

- Admin, Amanu, A., & Basri, H. (2017). Pengaruh Shalat Dhuhur Berjamaah Terhadap Perilaku Keagamaan Siswa Di Kelas Viii Smp Muhammadiyah 8 Benjeng-Gresik. *Tamaddun Jurnal Pendidikan Dan Pemikiran Keagamaan*, 18(1), 1–10. <https://doi.org/https://doi.org/10.30587/tamaddun.v18i1.83>
- Aiezzatul Akmaliah, binti A., Zainun, binti S., & Salmi, binti M. (2024). Assessing the understanding and practice of fardhu prayer among PKT students a survey-based analysis. *Indonesian Institute For Counseling, Education And Theraphy*, 5(1), 23–27. <https://doi.org/https://doi.org/10.29210/99960>
- Amsari, D., Wahyuni, E., & Fadhilaturrahmi, F. (2024). The Social Learning Theory Albert Bandura for Elementary School Students. *Jurnal Basicedu*, 8(2), 1654–1662. <https://doi.org/https://doi.org/10.31004/basicedu.v8i2.7247>
- Bans-Akutey, A., & Tiimub, B. M. (2021). Triangulation in Research. *Academia Letters*, September. <https://doi.org/10.20935/AL3392>
- Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, M. I. (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*, 5(13), 21–34. <https://doi.org/https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.663>
- Braun, V., & Clarke, V. (2023). Toward good practice in thematic analysis: Avoiding common problems and be(com)ing a knowing researcher. *International Journal of Transgender Health*, 24(1), 1–6. <https://doi.org/10.1080/26895269.2022.2129597>
- Haziq, M., Huzairi, I., Syukri, M., Abidin, Z., Akidah, J., Islam, P., & Islam, A. P. (2023). Pengaruh Permainan dalam Talian Terhadap Pelaksanaan Solat Pelajar Sekolah Menengah [The Effect of Online Games on Performing Prayers of Secondary School Students]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(1), 70–80. <http://www.bitarajournal.com>
- Husen Ismail, F., Shafiq Sahimi, M., & Shakor Borham, A. (2025). Perlaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Universiti Awam Di Johor The Implementation Of Prayer Among Muslim Students In Public Universities In Johor. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 76–94. <https://doi.org/10.31700/JULWAN.v2i1.1957>
- Kamaruddin, K.; Jamil, M.R.M.; Razak, A.A.; Othman, M. . (2023). Kajian Kepentingan Bimbingan Ibu Bapa dalam Praktis Solat melibatkan Kanak-Kanak Tadika: Satu Analisa Keperluan untuk Membangunkan Panduan yang Berkesan. *ANP Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(1), 1–11. <https://doi.org/https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v4i1.1.2023>
- Kholid, K., & Mugiyono, M. (2024). Pengaruh Pembiasaan Sholat terhadap Pembentukan Karakter Peserta Didik. *Juwara: Jurnal Wawasan Dan Aksara*, 4(2), 353–362. <https://doi.org/10.58740/juwara.v4i2.148>
- Laily, F., & Sugiana, A. (2020). Kesadaran Beribadah Shalat Dzuhur Siswa Kelas X IPS dan Upaya Meningkatkan nya di SMA Muhammadiyah 1 Palembang. In *Journal of Islamic Education Research* (Vol. 1, Issue 2). Juni. <https://doi.org/https://doi.org/10.35719/jier.v1i02.25>
- Lubis, B. A., & Sagala, A. H. (2024). Pembentukan Karakter Religius Siswa Melalui Pembiasaan Shalat Berjamaah Di Sma Muhammadiyah 10 Rantau Prapat. *Jurnal Program Studi PGMI*, 11(4), 731–746. <https://doi.org/https://doi.org/10.69896/modeling.v11i4.2822>
- Majid, M. N., & Al Muiz, N. (2025). Hidayah: Cendekia Pendidikan Islam dan Hukum Syariah Volume. 2 Nomor. 2 Juni 2025 Implementasi Pembiasaan Shalat Berjamaah dalam Membentuk Karakter Disiplin Siswa di MTs Negeri 9 Blitar. *Hidayah: Cendekia Pendidikan Islam Dan Hukum Syariah*, Volume. 2 Nomor. 2 (Volume. 2 Nomor. 2), 331–347. <https://doi.org/10.61132/hidayah.v2i2.1067>

- Nadiyah Hashim, Jamalia Aurani, N. I. (2022). Pukulan Mendidik dalam Islam bagi Membentuk Konsistensi Solat Anak-Anak The Rule of Canning in Establishing the Consistency of Prayer Among Children from Islamic Perspective. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 1(2), 54–66. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/ejpi.v9i1.69>
- Nursyahzanani, T., Tengku Jamil, A., Yusoff, Z., Pengajian, F., & Islam, K. (2024). Peranan Ibadah Solat Dalam Membentuk Tingkah Laku Dan Kepimpinan Diri Yang Efektif Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia [The Role Of Islamic Prayer In Shaping Behavior And Effective Self-Leadership Among Teenagers In Malaysia. *Malaysian Journal For Islamic Studies* (Vol. 8, Issue 2). <https://doi.org/http://dx.doi.org/>
- Saerah Hj Karin, Adenan Ayob, Mohd Rosli Saludin, & N. A. A. (2019). Analisis Hubungan Solat Dengan Akhlak Murid Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah Di Daerah Jempol. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 4(21), 58–86.
- Sateemae, S., Abdel-Monem, T., & Sateemae, M. (2015). Religiosity and social problems among Muslim adolescents in Southern Thailand. *Journal of Muslim Mental Health*, 9(2), 3–24. <https://doi.org/https://doi.org/10.3998/jmmh.10381607.0009.201>
- Shaheen, N., Shaheen, A., Ramadan, A., Hefnawy, M. T., Ramadan, A., Ibrahim, I. A., Hassanein, M. E., Ashour, M. E., & Flouty, O. (2023). Appraising systematic reviews: a comprehensive guide to ensuring validity and reliability. *Frontiers in Research Metrics and Analytics*, 8. <https://doi.org/10.3389/frma.2023.1268045>
- Sis, H. M., Rahman, R. A., & Salleh, S. F. (2024). Issues and Challenges of Understanding Obligatory Prayers among Primary School Students. *International Journal Of Research And Scientific Innovation (IJRSI)*, Volume XI(Issue XII), 510–519. <https://doi.org/10.51244/IJRSI>
- Siti Khurshiah, M. M., Syuhaida Idha, Abd. R., & Nur Hidayah, Z. (2021). Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya Dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(2), 80–98. <https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JCIS/article/view/8041>
- Suharyat, Y. (2023). Hubungan Pengetahuan Agama Islam Generasi Milenial dengan Ketaatan Menjalankan Ibadah Sholat. *JiIP - Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, 6(12), 9832–9830. <https://doi.org/https://doi.org/10.54371/jiip.v6i12.2890>
- Sulaiman, M. K., & Zulkifli, H. (2021). Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (The Implications of Prayer Worship on Morals Among Primary School Students). *JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 1–13. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.91>
- Widi, E. N. N., Saraswati, P., & Dayakisni, T. (2018). Kedisiplinan siswa-siswi SMA ditinjau dari perilaku shalat wajib lima waktu. *Jurnal Psikologi Islam*, 4(2), 1689–1699. <https://doi.org/https://doi.org/10.47399/jpi.v4i2.45>
- Zakiyah, A. N. A., & Pratikno, A. S. (2024). Pembentukan Karakter Disiplin melalui Pembiasaan Shalat Dhuha (Studi pada Kelas VIII siswa SMP). *Jurnal Penelitian dan PKM Bidang Ilmu Pendidikan* (Vol. 5, Issue 3). <https://doi.org/https://doi.org/10.54371/ainj.v5i3.480>